

Kedatangan Islam dan Bermulanya Pemerintahan Beraja Patani

MOHD. ZAMBERI A. MALEK

ABSTRAK

Berdasarkan kepada beberapa penemuan arkeologi di Kelantan dan Terengganu, Islam dipercayai telah bertapak di sepanjang Pantai Timur sejak abad ke-12 ataupun ke-13 termasuk di wilayah Patani, mendahului Melaka lebih dua abad. Adalah dipercayai juga Islam datang ke Patani melalui Perlak atau Kerajaan Samudera-Pasai yang telah berdiri sejak abad ke-13. Patani yang berkesinambungan dengan Kerajaan pra-Islam Langkasuka mempunyai sejarah yang amat panjang di mana kemunculan Langkasuka telah disebut pada abad ke-2 Masehi. Namun fakta sejarah menjelaskan bahawa Patani sebagai sebuah Kerajaan Islam cuma wujud pada pertengahan abad ke-15, walaupun sebahagian rakyatnya memeluk agama Islam kira-kira 300 tahun sebelumnya. Tetapi malang bagi Patani yang kaya dan makmur ini yang kemudiannya berjaya dikuasai oleh Kerajaan Buddha-Thai dari utara yang akhirnya menjadikan wilayah yang merdeka itu sebagai sebahagian daripada negara- bangsa Thailand.

ABSTRACT

Some archeological findings in Kelantan and Terengganu provide proof that Islam had reached the East-Coast states including Patani sometime in the 12th or 13th century, approximately two centuries earlier than Melaka. It is believed that Islam arrived in Patani from Perlak or Samudera-Pasai in north Aceh, the first Muslim Kingdom to be established in the East sometime in the 13th century. The Muslim Kingdom of Patani bore continuity with the pre-Islam Kingdom of Langkasuka which was believed to have been in existence in the 2nd century A.D. However, Patani as a Muslim Kingdom only came into existence in the middle of the 15th century, albeit some of its population may have been converted some 300 years earlier. However, this rich and prosperous kingdom was then divided and finally conquered by the Buddhist Kingdom of Thailand from the north.

Umat Islam keturunan Melayu di Selatan Thai yang mendiami wilayah-wilayah Islam Patani, Yala, Narathiwat dan sebahagian dari Songkhla, hari ini merupakan penduduk rakyat bekas sebuah Kerajaan Islam Patani yang berdaulat menempuh suatu perkembangan sejarah kegemilangan Islam yang unggul di rantau ini. Di suatu masa, Patani banyak melahirkan ulamak-

ulamak besar terkenal dikalangan rantau Islam di Asia Tenggara, Timur-Tengah dan negara-negara Islam Afrika Utara. Patani juga pernah dianggap sebagai pusat yang mempelopori tamadun kesusasteraan Islam di Semenanjung menerusi kegiatan ulamak dan kemasukan institusi pengajian pondok. Penyebaran Islam di rantau ini dan kemasukan Islam ke Patani sendiri masih diperkatakan oleh para sarjana tetapi belum lagi menggambarkan kepada kita kenyataan yang tepat. Hal ini disebabkan kurangnya bahan-bahan penyelidikan tidak sepertimana kedatangan pengaruh Hindu dan Barat. Begitu pula halnya mengenai persoalan dalam menentukan bila, dari mana, siapa dan bagaimana dakwah Islam itu sebenarnya tersebar.

PENGLISLAMAN PATANI DAN PERSOALANNYA

Sungguhpun Thomas Arnold dalam bukunya, *The Preaching of Islam* menegaskan tidak ada penentuan tarikh berlakunya penyebaran Islam dirantau ini, namun pengkajian kita mengenai pengislaman Patani dan catatan Tome Pires mengenai rantau ini sekitar tahun-tahun 1512-1515 boleh dijadikan bukti. Beliau menyatakan Patani telah lama wujud mungkin sejak tahun 1390-an lagi. Ini sejajar pula dengan waktu perkembangan Islam yang berlaku di negeri-negeri Semenanjung di antara permulaan abad ke-14 hingga pertengahan abad ke-15 (Mohd. Zamberi A. Malek 1985). Hal ini dapatlah dihubungkan dengan pendapat beberapa orang sarjana Barat yang menyatakan bahawa Patani pernah menjadi pusat Islam tertua di Asia Tenggara (Winzeler 1975). Demikian juga kenyataan yang diberikan oleh seorang pakar matematik dan geografi Sepanyol yang dianggap sebagai orang Eropah yang pertama membuat kajian dan ulasan secara ilmiah lengkap dengan peta penyelidikannya pada 24 November 1613. Emmanuel Godinho de Eredia dalam bukunya *Declaracam de Mala e India Meridional com o Cathay* telah menyebut tentang kemasukan Islam ke Patani yang jauh lebih awal berbanding Melaka. Tegas Eredia (Mills 1930), "Agama Nabi Muhammad S.A.W. telah diterima oleh penduduk-penduduk Patani, kemudian di Pahang yang terletak di pantai timur Hujung Tanah (Johor). Kemudian barulah ugama Islam dianuti oleh Permicuri (Perameswara) di Melaka pada tahun 1411". Kenyataan teori ini dapat menguatkan lagi tentang pengislaman Patani dan negeri-negeri sungai Tersat di Kuala Brang, Terengganu. Di tahun 1992, Major Paterson dan Dr. C.O. Blagden telah membuat kajian ilmiah. Bagaimanapun tarikhnya yang tepat telah ditentukan oleh Prof. Syed Naquib Al-Attas, iaitu pada hari Jumaat 4 Rejab 702 H. bersamaan 22 Februari 1303.

Menurut cerita beberapa orang peminat sejarah tempatan pula, Islam masuk ke Patani di sekitar abad ke-10 atau 11. Sebagai buktinya, mereka menunjukkan pada dua buah batu nisan yang terdapat di kawasan perkuburan tua Kota Marhum, bekas kota Patani yang terletak lebih kurang 3 batu dari bandar Patani sekarang. Batu nisan ini dikatakan berasal dari makam Raja

Patani yang memeluk agama Islam bergelar Sultan Ismail Syah. Baginda juga dikenali sebagai Raja Merkah Dada di kalangan ahli sejarah tempatan. Pada batu nisan baginda, terdapat garis tulisan berupa tulisan kalimah syahadah yang diucapkan oleh baginda sebelum mangkat (Hamdan Hassan 1980). Di Kelantan yang sering dianggap sebagai negeri saudara kembar Patani telah diketemu kepingan wang bertulis tarikh 577 H. atau 1181 M. Ini membuktikan bahawa agama Islam sudahpun bertapak sejak abad ke-12 dengan daerah yang berdekatan dengan pantai. Oleh itu ada alasan kenapa Islam tidak boleh tersebar ke Patani di abad itu atau sebelumnya. Dengan bukti-bukti di atas maka nyatalah bahawa Islam sudah mulai bertapak di Patani sekitar abad ke-12 atau ke-13 ataupun lebih awal kerana daerah ini juga merupakan salah sebuah daerah yang memainkan peranan pelabuhan yang terpenting dizaman silam. Dalam menentukan dari mana datangnya Islam ke negeri Patani, banyak juga kekeliruan yang timbul di kalangan para sarjana dan peminat sejarah tempatan. Ada juga pendapat yang kukuh mendakwa bahawa Islam di Patani datangnya dari Champa. Ini berdasarkan bukti-bukti arkeologi yang menunjukkan agama Islam tersebar di sana atas penemuan batu nisan memakai huruf kuffi bertarikh 1039 dan penemuan inskripsi tulisan-tulisan mengenai bayaran hutang piutang dan hukum-hukum Islam di tahun 1025 atau 1035. Untuk memperkukuhkan bukti-bukti ini, R.A. Kern menjelaskan bahawa orang-orang Islam di Semenanjung ada yang berasal dari Indo-China, kerana bukti bertulis mencatatkan di kurun ke-7 orang-orang Melayu penduduk peribumi Semenanjung telah membuat hubungan rapat dengan Champa-Kemboja. Atas kepentingan penaklukan dan hubungan perkahwinan antara keluarga diraja, perhubungan antara kedua kawasan di rantau ini begitu erat. Sebagai contoh, hubungan keluarga diraja Champa-Kelantan-Patani-Singgora adalah begitu berkesan memainkan peranannya dalam proses Islamisasi dan mewujudkan sistem pemerintahan beraja (Lampiran I). Kita juga mendapati penggunaan perbendaharaan kata bahasa Melayu sejagat dan perkembangan agama Islam adalah bergerak sejajar peningkatannya. Ramai para pelajar Islam dari Champa di abad ke-18 dan ke-19 dihantar menuntut ilmu di institusi pengajian pondok di Patani bagi memelihara kepentingan dan ketinggian dakwah Islamiah di rantau ini. Telah diceritakan juga dalam buku *Sejarah Melayu* bagaimana anak Raja Champa bernama Syah Indera Berma (Indra Varman) telah melarikan diri bersama pengikut-pengikutnya ke Melaka kemudian dilantik menjadi menteri dalam pemerintahan Sultan Mansur Shah Melaka, 1456-1477. Dari sumber yang sama diceritakan juga Hang Nadim telah berpakat dengan nakhoda Saiyid Ahmad dari Champa untuk melarikan Tun Teja puteri Pahang yang terkenal ceritanya itu (Shellabear 1967). Pengakuan R.O. Winstedt pula telah mengesahkan memang ada persamaan antara cerita-cerita rakyat di kedua kawasan antara penduduk-penduduk Semenanjung dan Champa.

Bagaimanapun, kedatangan Islam ke Patani juga mempunyai pertalian dengan lokasi bermulanya pengislaman awal rantau Alam Melayu ini iaitu di Pasai-Samudera. Kawasan ini pernah disinggahi oleh pengembara Itali Marco Polo dalam perjalanannya pulang ke negaranya dari negeri China pada tahun 1292. Beliau menyatakan Penduduk-penduduk di kota Perlak atau disebut juga Ferlec sudah pun beragama Islam. Tambah beliau, Islam telah disebarkan oleh orang-orang Sarasin iaitu nama yang diberi oleh orang-orang Greek dan Roman pada penduduk-penduduk penghuni padang pasir dan Semenanjung Arab. Dari sumber tradisi yang diperolehi dari China didapati Samudera telahpun diIslamkan pada tahun 1282. Maka berdasarkan buktibukti ini, Josselin de Jong membuat rumusan bahawa Pasai telahpun menjadi daerah Islam sebelum persinggahan Marco Polo lagi. Seorang lagi pengembara Islam iaitu Ibn Batuta dari Magribi juga pernah singgah di Pasai tahun 1345 semasa beliau menjadi utusan istana Delhi ke negeri China. Beliau menyatakan Islam sudahpun bertapak di situ sejak satu abad lamanya. Diceritakan juga pemerintahan Sultan Malik az-Zahir dengan kemajuan umat Islam yang bermazhab Shafi'i. Sumber bertulis tempatan yang paling tua iaitu *Hikayat Raja-raja Pasai* mendakwa bahawa Pasai merupakan tempat paling awal sekali menerima Islam di rantau ini.

Sehubungan dengan faktor-faktor ini, peranan Pasai sebagai tempat penerimaan Islam yang terawal telah dihubungkan dengan pengislaman Patani. Oleh kerana sudahpun ditegaskan oleh de Eredia pengislamannya lebih awal dari Melaka maka kali ini peranan Melaka sebagai pusat penyebaran Islam Semenanjung tidak pula disentuh. Bagaimanapun, justeru itu sejarah Melayu ada menyisipkan sedikit tentang pengislaman Patani. Prosesnya begitu mudah dan amat berlainan, tidak seperti mana bermulanya agama Islam di kalangan Raja-raja Pasai dan Melaka yang mendapat mimpi anih terlebih dahulu (Teeuws & Wyatt 1970). Secara tradisional pula, dikatakan pandangan masyarakat Melayu Patani selalu menganggap sumber kerohaniannya berasal dari Pasai (Hamdan Hassan 1980). Demikian juga dalam cerita-cerita berunsur sejarah seperti *Hikayat Patani* yang mengisahkan dengan jelas bahawa Islam di Patani disebarkan oleh Syaikh Said yang berasal dari Pasai, seperti yang diceritakan di bawah ini (Teeuws & Wyatt 1970):

Setelah datang pada keesokan harinya, maka baginda pun menitahkan bentara kanan pergi memanggil Syaikh Said, serta bertitah pada Bendahara suruh menghimpunkan segera menteri hulubalang dan rakyat sekelian. Maka bagindapun bersemayam di balairung diadakan oleh sekelian rakyat. Pada tatkala itu Syaikh Said pun datanglah mengadap raja diiringkan oleh bentara. Setelah Syaikh Said itu datang maka raja pun sangatlah memuliakan Syaikh Said itu. Maka titah baginda, "Adapun hamba memanggil tuan hamba ini, kerana janji hamba dengan tuan hamba ini hendak masuk agama Islam itulah". Setelah Syaikh Said mendengar titah raja itu demikian, maka Syaikh Said segera mengucup tangan raja itu lalu dijunjungnya. Sesudah itu maka diajarkan kalimat syahadat oleh Syaikh. Maka raja pun karalah membawa agama Islam.

Setelah sudah raja mengucap kalimat syahadat itu, maka Syaikh Said pun mengajarkan kalimat syahadat kepada segala menteri hulubalang dan rakyat yang ada hadir itu pula.

Demikian Syaikh Said yang menetap di Kampong Pasai di Patani telah mengIslamkan Raja Patani apabila baginda gering dan beberapa kali telah diubatkan oleh Syaikh Said. Ke manakah perginya Syaikh Said, tidak diketahui dengan pasti. Mungkin juga beliau ke Kelantan. Pengislaman Kelantan pula menceritakan kedatangan seorang Syaikh dari Patani membawa agama Islam yang maha suci (Saad Syukri 1971:28).

Ada juga cerita yang menyebut Islam sudah lama terdapat di Canton, China namun ini tidak pula bererti Islam di Patani masuk melalui negeri China, kerana sampai sekarang masih belum dapat diketemukan sebarang bukti yang menunjukkan ada pertalian dengan Islam di Canton. Pun begitu, ada pula cerita mengenai Masjid Gerisik yang tidak pernah selesai pembinaannya itu dikaitkan dengan tukangnyanya seorang China yang lari ke Patani kemudian memeluk agama Islam bila berkahwin dengan seorang puteri Patani. Beberapa lama selepas itu adik perempuannya datang untuk menjemput pulang tetapi kecewa dan bertindak menggantung dirinya pada pohon janggus dihadapan masjid itu kerana abangnya telah beragama Islam. Akibat dari sumpahan adiknya itu, maka sampai sekarang ini pembinaan bangunan masjid berkenaan sentiasa saja terbengkalai.

Dari keadaan-keadaan ini maka haruslah mendapat perhatian kita bahawa bukti-bukti di atas tidak cukup lengkap untuk menyimpulkan yang Islam di Patani itu sama ada datangnya dari Campa, Pasai ataupun China. Aliran kepercayaan atau mazhab Islam di Champa adalah beraliran Syiah, bukan aliran ahli's-sunnah wa'l-jamaah atau mazhab Shafi'i sedangkan masyarakat Islam keturunan Melayu di Patani itu bermazhab Shafi'i. Perkara ini adalah penting mengingatkan persamaan mazhab yang dianuti oleh orang-orang Islam di Patani dan Pasai.

Ramai para penyelidik mengemukakan teori siapakah pendakwah yang bertanggungjawab menyebarkan agama Islam di rantau ini. Antara mereka terdapat pelbagai teori dan pendapat yang berbeda. Menurut Hamka (1971: 425), di zaman Pasai-Melaka, ramai saudagar-saudagar Islam dari Tanah Arab, ulamak-ulamak pendakwah Islam disertai oleh saudagar-saudagar Islam dari Parsi, Delhi, Malabar dan Koromandel telah datang mengadu untung, baik dalam keuntungan duniawi terutama sekali dalam keuntungan rohani. Pendakwah-pendakwah ini dibahagi-bahagikan kepada saudagar-saudagar Arab, India, Parsi kemudian disusuli pula oleh peranan penting para penduduk tempatan dan ulamak-ulamak tasauf (Bangnara 1977). Peminat sejarah tempatan mendakwa para saudagar Arablah yang dipercayai menyebarkan agama Islam di Patani (Wan Husein 1979). Di antara mereka itu ada yang menetap dalam masyarakat dan menjadi penduduk-penduduk tempatan dan seterusnya cahaya Islam tersebar luas di kalangan rakyat jelata dan kemudian

barulah menguasai istana Patani. Kepingan Masdinar bertarikh tahun 1420 terukir nama Muhammad membuktikan Islam sudah begitu ketara dalam urusan penghidupan masyarakat di Patani (Rentse 1947).

Justeru kegemilangan Patani berselarasan dengan peranannya sebagai pusat tamadun Islam terpenting manakala para ulamaknya berhubungan rapat dengan ulamak-ulamak Islam di Aceh yang terkenal sebagai 'Serambi Mekkah' (Hamdan Hassan 1980). Dengan itu juga keunggulannya begitu penting di Semenanjung khususnya dan Asia Tenggara amnya. Ini menjelaskan kepada kita bahawa kedatangan Islam ke Patani lebih awal jika dibandingkan dengan negeri-negeri Melayu lain di Semenanjung. Bukti ini ternyata kebenarannya memandangkan peranan dan kepentingan pelabuhan Patani menjadi pusat penyebaran dakwah Islamiah di rantau ini menggantikan peranan Melaka sesudah kejatuhannya pada 1511 dan siri-siri peperangan antara Melaka dengan musuhnya. Ini telah menarik minat para pedagang Islam untuk memberi tumpuan di Patani dan Timur Jauh.

PEMBENTUKAN PEMERINTAHAN BERAJA

Dengan lenyapnya nama Langkasuka dalam sejarah Alam Melayu, maka muncullah nama Patani di daerah yang sama. Catatan paling awal menyebut sejak tahun 100 M. atau abad ke-2 lagi, sistem pemerintahan beraja Melayu telah wujud di zaman Langkasuka. Dalam pemerintahan Raja Bhagadatta, perutusan pernah dihantar pada tahun 515 M menghadap Maharaja China. Raja Langkasuka itu apabila keluar kota untuk pergi mengembara, baginda menunggang gajah yang diiringi dengan pasukan pengawal yang penuh upacara adat istiadat kerajaan. Keterangan China ini menggambarkan suasana sebuah negeri Melayu yang telah begitu bertamadun pemerintahannya. Paling akhir ketika Laksamana Cheng Ho singgah di tahun 1403, beliau masih memberi catatan bahawa Langkasuka terletak di sekitar Patani. Ini menjelaskan kewujudan dan peranan pelabuhan Patani adalah berkesinambungan dari lenyapnya Langkasuka dan peranan pelabuhannya. Hal ini dipersetujui oleh Wan Hashim (1987) bahawa kedua kerajaan Langkasuka-Patani merupakan kerajaan yang paling lama mengekalkan sistem pemerintahan beraja. Sehubungan dengan keruntuhan kerajaan Langkasuka ini maka rakyatnya tercari-cari sesuatu pucuk pemerintahan untuk menyerahkan rasa taat setia sebagai sifat-sifat masyarakat tradisi. Kedatangan Islam telah dapat memenuhi suasana ini bagi membentuk satu struktur sosial yang baru. Hamka menegaskan, sejak di zaman Langkasuka lagi memang sudah terdapat para saudagar Islam yang memulakan proses asimilasi di kalangan penduduk tempatan terhadap kepercayaan agama Islam. Kenyataan fakta sejarah menceritakan Raja dan Pembesar Patani telah memeluk agama Islam di sekitar tahun 1457, sedangkan rakyat jelata sudah ada yang beragama Islam sejak 300 tahun sebelumnya (Bangnara 1977). Ini akan membawa kita pada

zaman abad ke-12 M., sewaktu Langkasuka masih berkerajaan. Tulisan-tulisan de Eredia ditahun 1613 membuat dakwaan wujudnya sistem pemerintahan beraja Melayu-Islam yang pertama di negeri-negeri Melayu Semenanjung oleh orang-orang Melayu adalah bermula di Patani. Berhubung dengan sejarah awal negeri Patani, antara lain beliau menulis:

Patane was the first seat of the Empire of the Malaios, its site lies in the eastern coast of the Peninsula in seven degrees of North latitude; it is one of the famous Oriental ports with an extensive trade and commerce... The Empire of the Malaios was founded in Patane by Tuan Malaio, the first emperor, who was chosen in the third year before the birth of Christ, during the time when Herod of Ascalon, the pagan, was on the throne, the seat of the empire passed to Pan (Pahang) then to Malacca, and is now established at Batusauar (Batu Sawar = Johor) (Rentse 1936).

Kedatangan Islam telah membawa banyak perubahan besar pada akidah, pemikiran, kebudayaan, bahasa, pendidikan dan sosio-politik pemerintahan masyarakat Melayu. Snouck Hurgrongje mengemukakan pendapatnya bahawa pengaruh Parsi dan India lebih benar-benar nyata dalam pertumbuhan dan perkembangan Islam di negeri-negeri Melayu di samping pengaruh Arab dan Mekkah. Ini terbukti dengan wujudnya ciri-ciri pemerintahan yang bersendikan Islam dan kemunculan perkataan raja atau Sultan serta sistem pentadbiran yang lebih berperaturan. Begitu juga dalam pembentukan negara yang dibahagikan kepada negara (Dar) kepada Daru'l Islam iaitu Kerajaan Islam, Daru'l Kuffar iaitu Jajahan Islam dan Daru'l Harb iaitu negara kafir dalam proses menjadi negara Islam. Negeri Patani Darussalam dapat menerangkan pada kita kewujudan sebuah Kerajaan Islam dengan konsep dewaraja dari warisan Hindu-Buddha yang meletakkan golongan raja di atas manusia biasa itu tetap tidak tergugat. Pemerintahan beraja mengikut unsur-unsur saduran Hindu itu disesuaikan dengan ajaran Islam, umpamanya Raja patani Phya tu Naqpa setelah diIslamkan diberi nama Sultan Ismail Syah Zillullah Fil-alam yang membawa pengertian Al-Sultan Zillullah iaitu Raja itu Bayangan Allah (Abdul Rahman 1985). J.M. Gullick membuat kesimpulan bahawa Raja atau Sultan menikmati suatu kedudukan yang mempunyai kemuliaan yang tinggi. Kemuliaan itu dihubungkan dengan peranannya sebagai kemuncak sistem politik dalam negeri, sebagai suatu lambang perpaduan serta punca gelaran dan kewibawaan bagi para pembesar yang di kalangan merekalah kuasa sebenar diagih-agihkan (Gullick 1965).

Bagaimanapun, kedatangan Islam tidak banyak mengubah sistem feodal yang sedia ada sejak zaman Hindu. Sistem feodal tetap tidak menggalakkan sikap kritikal dalam menerima sesuatu arahan, kerana raja adalah penitisan dewa-dewa atau keturunan orang-orang yang mulia dan tidak membuat sebarang kesilapan. Ismail Hamid (1985) pula menambah bahawa di bawah kerajaan Islam, kebudayaan Melayu yang berteraskan keIslaman telah berkembang dengan pesat. Hal ini seperti yang diistilahkan oleh H. Kern, merupakan satu revolusi yang muncul dalam masyarakat Melayu akibat dari

kedatangan Islam. Tambah beliau lagi, dari keadaan ini kebudayaan Melayu peribumi cuba disesuaikan antara kepercayaan lama dengan agama Islam, konsep-konsep Islam, istilah-istilah Islam dan ajaran Islam yang telah dimasukkan ke dalam adat-istiadat Melayu supaya tidak menimbulkan tentangan ulamak-ulamak Islam dan mudah pula diterima oleh orang-orang Melayu umat Islam.

Apabila saja menganut agama Islam maka Sultan Ismail Shah telah menyusun struktur pentadbiran negara mengikut model yang dirangka dari ciri-ciri kebudayaan dan adat istiadat Melayu yang telah diubahsuai mengikut kehendak Islam. Bagi mengukuhkan lagi pentadbiran yang baru sesuai dengan lunas-lunas perundangan Islam, Syaikh Safiuddin al-Abbas tiba di Patani dari Pasai untuk membetulkan peraturan-peraturan perlembagaan Islam. Beliau dikatakan sering ke istana dan ditugaskan menjawab segala kesulitan berhubung dengan hukum-hukum syarak.

Syaikh Safiuddin bertanggungjawab menasihati baginda serta mengesa agar dibina bangunan-bangunan masjid tempat beribadat sebagai melambangkan identiti sebuah negara Islam. Seterusnya Raja Patani yang pertama mengasaskan pemerintahan Islam ini mengubal undang-undang adat, alat-alat kebesaran, nobat, segala istiadat istana dan sebagainya.

ALAT-ALAT KEBESARAN KERAJAAN

Pedang Kerajaan	- 1 bilah bersalutkan emas seberat 30 tahlil
Pedang Bentara	- 1 bilah bersalutkan emas seberat 30 1/2 tahlil
Pedang Nobat	- 20 bilah bersalutkan emas, 20 bilah bersalut perak.
Cogan Kerajaan	- 4 bilah, tiap satu bersalutkan sekati emas.
Leming	- 40 bilah bersalut emas, 40 bilah bersalut perak.

NOBAT DIRAJA

Nafiri	- 4 bersalut emas, 4 bersalut perak.
Serunai	- 2 bersalut emas, 2 bersalut perak.
Gendang Nobat	- 6 bersalut emas, 6 bersalut perak.
Gendang Negara	- 4 bersalut emas, 4 bersalut perak.

Undang-undang adat istiadat istana juga guna disusun menetapkan Raja yang bersemayam di balairung mengikut susunan iaitu Raja, Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung, Menteri-Menteri, Orang-orang Besar dan sida-sida yang ditempatkan di Seri Balai. Dalam upacara adat menjunjung duli umpamanya, maka Bentara terlebih dahulu menjunjung duli diikuti dengan empat atau lima orang sida-sida. Orang-orang Inggeris yang buat pertama kali menjejak kaki di Semenanjung dan telah singgah di Patani di tahun 1612 terpaksa mempelajari adat istiadat istana seperti sembah datang, sembah berniaga, sembah dacing dan sembah bermohon sebelum mengadap raja Patani. Dalam menyambut kedatangan perwakilan protokol asing, surat-

surat rasmi yang dihantar akan dibingkiskan, diletak di atas belakang gajah kemudian diarak dengan payong kuning dan diiringi pula dengan permainan nobat (Mohd. Zamberi 1985). Maka berbagai adat dan upacara diraja disusun dalam pemerintahan beraja Melayu-Islam seperti ketika raja berangkat, memberi titah, gelaran bersama pantang dan larangan diraja. Bagi mendaulatkan sebuah pemerintahan beraja Melayu maka perutusan memohon nobat telah dihantar mengadap Sultan Mahmud Shah Melaka, 1488-1511 seperti mana yang diceritakan dalam *Sejarah Melayu*:

Maka Ukun Pola disuruh mengadap Sultan Mahmud Melaka memohon nobat. Maka disuruh oleh Sultan Mahmud akan surat dari Patani itu disuruh sambut dengan adat berarak. Setelah sampai di balairung maka suratpun disambut dan dibaca orang demikian bunyinya, Paduka anakanda yang punya sembah datang kepada ayahanda Seri Sultanu'l-mu'azama'l-maliku'l-mukarram Zilullahu fi'l-alam. Kemudian dari itu paduka anakanda menyuruh Ukuran Pola mengadap paduka ayahanda memohon nobat kebawah duli paduka ayahanda. Maka Sultan Mahmud pun terlalu suka, maka Ukun Pola pun dianugerahi persalinan dengan sapertinya, disuruh duduk setara dengan kepada bentara. Hatta Sultan Mahmud pun menyuruh Kadi Menawar mengarang surat yang akan dikirimkan bersama penganugerahan gendang, nobat, kitab yang dibingkis dan Ukun Pola pun dianugerahi persalinan. Maka suratpun diaraklah ke perahu. Maka Ukun Pola pun kembalilah ke Patani.

Dengan itu maka terbentuklah sebuah kerajaan Melayu-Islam Patani Darussalam yang berdaulat, memulakan sistem pemerintahan monarki Raja-Raja Melayu Patani terun-temurun menguasai sejarah kesultanan Melayu.

PEMERINTAHAN RAJA-RAJA MELAYU PATANI

DINASTI RAJA SERI WANGSA

Pemerintahan beraja Patani yang beragama Islam bermula di sekitar tahun 1500 dan raja pertamanya ialah Sultan Ismail Shah, 1500-1530. Baginda ialah cucunda Raja Seri Wangsa raja Kota Mahligai, dan pemerintahan keturunannya berakhir pada tahun 1686. Mengikut penulis Inggeris T.J. Newbold (1839), dinasti Raja Seri Wangsa ini terdiri dari sebelas orang raja termasuk raja-raja perempuan yang memerintah pada masa-masa berasingan.

Di samping berusaha menyusun program pentadbiran, dalam tempoh 30 tahun, pemerintahan raja Patani yang pertama ini berjaya juga meningkatkan kemajuan bandar pelabuhan Patani yang memberi potensi di kalangan para pedagang setelah kejatuhan Melaka di tahun 1511. Pemerintahan seterusnya terserah pada Sultan Muzaffar Shah yang membuat serangan ke atas Ayuthia ibukota orang-orang Siam. Percubaan baginda yang gagal itu hampir-hampir berjaya menyebarkan pengaruh pemerintahan Melayu di negara Siam.

Jika di Acheh umum mengetahui bahawa sepanjang 59 tahun (1641-1699) kerajaannya diperintah oleh empat orang raja perempuan, di Patani pula pemerintahan raja-raja perempuan bermula lebih awal lagi. Patani telah

mencapai kemuncak keagungannya pada zaman pemerintahan mereka ini (1564-1624) (Teeuws Rwyatt 1970:13). Di zaman itu Patani telah muncul sebagai sebuah pusat perniagaan yang terpenting dirantau ini. Kedudukan geografinya yang sesuai dan strategik itu menyebabkan Patani menjadi sebuah pusat perniagaan Portugis di Melaka. Tidak kurang pentingnya ialah faktor kestabilan politik dalam negeri Patani sendiri.

Kemajuan Patani dalam bidang perniagaan telah mendapat perhatian pelawat-pelawat asing, termasuk Peter Floris (1939) seorang pengembara Inggeris yang pernah tinggal di Patani hampir setahun pada 1612-13. Beliau telah mencatatkan bahawa, "*Patani was trading with virtually the whole of Southeast Asian*". Alexander Hamilton juga menyatakan hal yang sama tentang Patani. Beliau menulis:

Patani was formerly the greatest port for Trade in all those seas... It was the staple port for surat Shipping....

Seorang lagi pengembara Eropah yang melawat Patani pada tahun 1680, Nicholas Gervaise memuji sistem pemerintahan raja-raja Patani. Beliau menulis tentang Raja Perempuan dan Pelabuhan Patani seperti berikut:

Patani is no more extensive than the other three, Johor, Jambi and Kedah, but it is much more famous, and best known by the history of its revolutions and by the present state of its government... They chose from amongst themselves the most able to govern in her name without her participation, so she did not enter at all into the secrets of affairs, and she had to content herself with the respect and homage which everyone formally rendered her as their sovereign. They did not allow her the freedom to chose her own high officials, but they never refused her anything which could contribute to her pleasure... (Teeuws & Wyatt 1970:72)

Kekuatan ekonomi ditambah pula dengan kestabilan politik dalam negeri telah menjadikan Patani sebagai sebuah negeri yang kuat dan disegani oleh negara-negara jiran, termasuk Siam yang bersempadan. Ketika ini Kelantan dan Terengganu adalah jajahan Patani. Malah pengaruh politik Patani juga telah meluas ke beberapa buah negeri Melayu Semenanjung khususnya Pahang dan Johor-Riau. Kekuatan pemerintahan Patani terbukti bila Raja Ungu (1624-1635) yang memerintah mampu mengamalkan dasar luar yang memusuhi Siam serta memutuskan hubungan diplomatik dengannya. Penulis Belanda Jeremias Van Vliet menulis keadaan ini berlaku kerana Raja Ungu Patani menganggap dan mengecam raja Siam Prasat T'hong kerana, "*He did not have the right to wear the crown and that he has killed the true kings and their heirs*" (Ravanswaay t.t.). Raja Siam juga dituduh sebagai penjahat, pembunuh dan pengkhianat. Dengan jumlah tentera seramai 60,000 orang, Siam bergabung dengan Ligor, Pattalung, Tenasserim dan Kedah serta orang-orang asing yang menetap di negeri Siam untuk menundukkan Patani. Kekuatan ini ditambah dengan bantuan armada laut Belanda. Tetapi Patani dengan kebijaksanaan dan keberanian rajanya berjaya mematahkan serangan

ganas Siam yang berlaku pada 11 Mei 1634. Sumber sejarah Siam sendiri mengakui tentang kekuatan Patani ketika itu:

Patani mempunyai daya kekuatan yang sangat besar dan sungguh hebat. Sementara itu pihak Siam Songkhla yang bertanggungjawab mengawal Patani cuma mempunyai pasukan tentera yang kecil sehingga tidak cukup daya untuk mengawal Patani secara sendiri. (Teeuws & Wyatt 1970)

Keagungan dan kekuatan Patani dibawah pemerintahan raja-raja perempuan ini tidak kekal. Di zaman akhir pemerintahan Raja Kuning (1635-1686), Patani mula menuju zaman kemerosotan. Keadaan ini jelas apabila Raja Kuning mengubah dasar dan pernah cuba berbaik-baik dengan pihak Siam. Baginda bersetuju untuk menghantar Bunga Emas dan Perak ke istana Ayuthia bagi mendapatkan gelaran Phra Chao. Sejarah akhir pemerintahan Raja Seri Wangsa oleh Raja Kuning ini diselimuti keaburan. Ada pendapat mengatakan baginda berundur ke Kota Jimbar berkahwin dengan Raja Loyal dan berolehkan Puteri Sadong yang terkenal ceritanya itu. Baginda mangkat di Kelantan sekitar tahun 1686 mengakhiri zuriat pemerintahan keturunan dinasti Raja Seri Wangsa.

DINASTI KELANTAN

Putusnya zuriat keturunan pemerintahan raja-raja dinasti Raja Seri Wangsa tidak meninggalkan pengganti yang benar-benar layak untuk ditabalkan mewarisi takhta Kerajaan Islam Patani. Seorang anak raja keturunan raja-raja Kelantan tinggal di Kampung Telok bernama Raja Bakal telah dilantik memerintah Patani. Keadaan politik di Patani menjadi kucar-kacir semasa di bawah pemerintahan dinasti Kelantan sampai teretusnya ketegaangan yang dipenuhi dengan siri-siri serangan Siam terhadap Patani.

Pembesar-pembesar negeri yang bergelar Datuk turut terlibat dalam kancah perebutan kuasa pemerintahan sehingga menjadikan kedudukan Raja Patani sebagai boneka sahaja. Hal ini mendapat perhatian penulis *Hikayat Patani* yang menyebut:

Pada zaman Marhum Kelantan (Raja Emas Kelantan) kerajaan itulah segala orang besar-besar yang banyak berebut jadi Bendahara...

Kebanyakan raja-raja dinasti Kelantan ini memerintah dalam tempuh yang singkat dan sentiasa bersengketa bila memilih bakal pengganti, dan ini telah melemahkan kuasa pentadbiran. Perebutan kuasa di kalangan para pembesar dan persengketaan ini telah memberikan peluang pada kuasa-kuasa luar untuk campur tangan. Negeri-negeri sekutu Siam seperti Songkhla, Pattalung termasuk kerajaan Ayuthia sendiri, telah mengambil kesempatan ini untuk melemahkan Patani. Peristiwa yang paling malang berlaku di zaman pemerintahan dinasti Kelantan ini ialah pembunuhan ke atas Raja Patani Yang DiPertuan Along Yunus di tahun 1729 oleh Datuk Pengkala

Pauh. Kemangkatan seorang raja yang banyak memberi perhatian terhadap kemajuan dakwah Islam itu telah mencetuskan perang saudara di Patani.

Maka negeri Patani pun sangatlah huruharanya dan segala rakyatpun banyak kesakitan dan adat tertibpun sudah tiada... (Teeus & Wyatt 1970)

Kekacauan politik itu secara tidak langsung telah menjejaskan ekonomi Patani. Saudagar-saudagar asing tidak lagi berminat untuk berniaga dibandar pelabuhan Patani. Mereka mula memindahkan perniagaan mereka ke tempat lain yang lebih selamat. Akibatnya hasil negeri pun berkurangan. Malangnya semasa Patani sedang menghadapi masalah politik dan ekonomi, tentera-tentera Siam pula sedang sibuk berperang dengan Burma. Peperangan ini secara tidak langsung telah melibatkan Patani yang menjadi rebutan antara kedua kuasa tersebut.

Selepas Phraya Taksin berjaya mengalahkan Burma di Ayuthia dalam tahun 1776, pihak Siam menumpukan pula perhatiannya ke atas Negeri-negeri Melayu Utara. Untuk mengelakkan dari ancaman Siam, Sultan Muhammad yang sedang memerintah Patani telah bersetuju tunduk kepada Siam. Bagaimanapun selepas Phraya Taksin digulingkan oleh Phraya Chakri yang kemudiannya memakai gelaran Rama I, 1782-1809, Sultan Muhammad enggan mengiktiraf kerajaan yang baru ini (Wenks 1968). Keengganan ini rupanya mendesak Raja Rama I untuk menyerang negeri Melayu Patani. Tentera-tentera Siam di bawah pimpinan Raja Muda Maha Surasinghanart, adinda Rama I itu melancarkan serangan pada 1785. Dalam keadaan yang serba berkurangan Sultan Muhammad Patani cuba mempertahankan tanah airnya selama beberapa bulan. Akibatnya di bulan November 1786 Patani tewas buat pertama kali dalam serangan Siam kali kelima. Dengan kekalahan ini maka Patani terus dikongkong oleh Siam hingga ke hari ini (Ibrahim Syukri).

Berikut dengan kekalahan ini pentadbiran negeri Patani diletakkan dibawah pemerintahan Siam. Dasar-dasar yang berlandaskan ciri-ciri pentadbiran Bangkok telah disalurkan menerusi pengawasan Gabenor Ligor. Seorang pembesar tempatan Tengku Lamiddin telah dilantik oleh Siam sebagai Raja Patani memerintah dengan kuasa-kuasa yang terhad. Bagaimanapun raja yang dilantik oleh Siam ini tidak lama berkuasa, dan diberitakan baginda cuba bersatu dengan Raja Annam Ong Chieng Su, kemudian memberontak dengan menyerang Pegawai-pegawai Pentadbir Siam yang ditempatkan di Patani. Pemberontakan di tahun 1791 ini dibantu oleh Syeikh Ahmad Kamal dari Mekkah yang berpangkalan di Kedah yang turut bersimpati dengan penderitaan umat Islam Patani akibat serangan Siam itu (Bonney 1975). Di tahun 1808 Raja Patani Datok Pangkalan pula memberontak tetapi percubaan baginda juga dapat dipatahkan oleh Siam.

Apabila Raja Rama II (1809-1824) menaiki takhta Kerajaan Siam, beliau telah membuat beberapa perubahan dalam pentadbiran. Seजार dengan itu

Nai Khuang Sai, seorang keturunan Siam-Budha, telah dilantik sebagai Gabenor Patani menggantikan seorang Raja Melayu yang memerintah Kerajaan Islam Patani. Dengan perlantikan ini ternyata buat pertama kalinya Patani diperintah oleh seorang bukan Islam yang juga mengakhiri pemerintahan sistem beraja Melayu dinasti Kelantaan khususnya.

SISTEM PENTADBIRAN PECAH DAN PERINTAH

Untuk melemahkan lagi kekuatan orang-orang Melayu Patani yang sering memberontak itu, maka pada tahun 1816 polisi pentadbiran pecah dan perintah telah dilancarkan oleh Rama II. Negeri Patani telah dipecah-pecahkan menjadi *Patani, Legeh, Jalor, Teluban, Nong Chik, Reman* dan *Jering*, yang diperintah oleh Raja-raja Melayu atau Gabenor Siam. Apa yang jelas ialah Siam masih mengekalkan sistem beraja Melayu terhadap gugusan Tujuh Buah Negeri. Mengikut pendapat Henry Burney yang tiba di Bangkok pada pertengahan tahun 1820-an:

...numerous and separate chieftainships under the supertintending authority of the Siamese Goveners of Ligor and Singgora, through whom the several chiefs send triennial tokens of inferiority to Siam... A mixed races of Siamese and Malays which proves refractory occassionally as it did in 1810.

Menurut Nik Anuar Nik Mahmud (1981), tindakan terhadap polisi Pecah dan Perintah ini diambil kerana pihak Siam menyedari bahawa sungguhpun mereka dapat menumpaskan pemberontakan orang-orang Melayu Patani tetapi mereka terpaksa membanting tulang bagi menghapuskannya. Tanpa bantuan dari mana-mana pihak di bawah naungannya tidak mungkin Songkhla atau Singgora, wakil kerajaan Siam di selatan dan bertanggungjawab ke atas cengkaman pemerintahan di Patani yang mempunyai angkatan tentera yang kecil, dapat menewaskan Pattani, iaitu sebuah negeri yang besar dan mempunyai penduduk yang ramai, serta mampu menunjukkan kegagahannya. Dalam negeri-negeri kecil yang dipecahkan pentadbirannya oleh Bangkok, kecuali Jering, pihak Siam telah melantik anak tempatan dari keluarga diraja Melayu yang berpengaruh untuk menjadi raja ataupun *Chao Phraya*. Sungguhpun begitu Raja-raja Melayu ini tidak mempunyai sebarang kuasa ke atas pentadbiran negeri masing-masing kerana mereka diletakkan di bawah tanggungjawab Gabenor Jering yang berketurunan Siam dengan kuasa mutlak yang ada padanya dan bertindak pula sebagai agen ke atas hal ehwal keseluruhan Negeri Patani.

Dari keadaan ini juga setiap negeri-negeri kecil menempuh perkembangan politik dan ekonomi yang berbeda mengikut kebolehan raja masing-masing dan faham kenegerian di samping kedudukan geografi di setiap negeri. Patani yang diperintah oleh Tuah Sulong keturunan Datok Pangkalan sentiasa berusaha memperbaiki bandar pelabuhan Patani dan bekas kotanya serta kemajuan agama Islam. Kedudukan Reman pula bersedudukan dengan negeri

Perak di suatu kawasan lembah pergunungan yang kaya dengan hasil bumi seperti bijih timah, arang batu dan sebagainya. Sungguhpun perpecahan ini hanya merupakan suatu sistem pentadbiran Siam, namun sikap keseragaman yang sejajar telah lama wujud dan bersepadu. Akibat dari pemberontakan Kedah di tahun 1832 maka negeri-negeri Patani, Nong Chik, Legeh dan Jalor telah turut menyertai orang-orang Kedah, tetapi raja-raja Teluban dan Reman tidak mahu turut serta. Pemberontakan Kedah dan Patani ini menjadi bertambah hebat dan lebih merupakan peperangan dahsyat apabila Kelantan dan Terengganu menghantar bantuan ketenteraan. Tentera-tentera Siam hampir menyerah kalah tetapi bantuan Bangkok yang mengirimi seramai 30,000 orang bantuan dan tiba pada 30 Mac 1832 dapat menggempur orang-orang Melayu Kedah, Patani, Kelantan dan Terengganu. Kesemua gugusan negeri-negeri kecil Patani diserahkan kembali pada Raja-raja Melayu selepas peperangan ini.

Beberapa dekad Bangkok sentiasa berunding dengan Raja-Raja Melayu Patani bagi mencapai keamanan. Sikap toleransi ini telah dibalas dengan penghormatan masing-masing terhadap Raja Rama III. Mereka berpuas hati kerana masing-masing mendapat hak pentadbiran dan sebahagian dari kemudahan ekonomi tanpa memikirkan perkembangan penjajahan Siam yang semakin ketara. Pengaruh Siam pula ditingkatkan penyerapannya menerusi penambahan Pegawai-pegawai Pentadbiran dalam melaksanakan fungsi-fungsi pentadbiran Bangkok di Patani. Gelaran-gelaran tertentu telah diberikan oleh Raja Siam selagi perkhidmatan mereka diperlukan dan mereka mestilah datang sendiri untuk mengadap ke istana mendapat pengitirafan dan kemudian direkodkan. Mereka juga diberi kebebasan kuasa memilih kerabat diraja terdekat dalam perlantikan Raja Muda atau bakal pengganti yang juga mesti mendapat pengiktirafan Bangkok bersama gelaran masing-masing. Beberapa orang pembesar negeri juga ditetapkan sebagai petugas dalam upacara menghantar ufti Bunga Emas. Begitu juga dalam pemilihan pegawai-pegawai yang ditugaskan dalam sesuatu upacara rasmi kerajaan apabila mengadap Raja Siam. Bagi upacara-upacara negara pula, Raja-raja Melayu Patani sendiri dikehendaki menunjukkan tanda taat setia mereka dengan mengirimi barang-barang hadiah bernilai pada Istana Siam.

Memandangkan penjajahan dan campur tangan Siam dalam urusan pemerintahan Beraja Patani yang begitu jelas, kedudukan taraf Negeri Patani adalah lebih rendah dari Negeri-negeri Melayu taklukkan Siam yang lain seperti Kedah, Kelantan dan Terengganu. Atas sebab-sebab berjauhan dengan Bangkok dan berdekatan pula dengan negeri-negeri berkenaan di Semenanjung, Bangkok terpaksa memberi kuasa-kuasa autonomi dalam perkara-perkara tertentu. Mengenai urusan dalam negeri, raja-raja Melayu diberi kebebasan melaksanakan soal-soal yang berkaitan dengan perundangan dan kutipan cukai perbendaharaan. Negeri Patani juga dikehendaki memberikan bantuan berupa ketenteraan, tenaga manusia, senjata, juga bekalan

keperluan lain jika negeri Siam menghadapi peperangan. Sehubungan dengan itu segala urusan luar negeri atau jaminan keselamatan negeri Patani dari ancaman luar adalah menjadi tanggungjawab Bangkok. Namun begitu bentuk pentadbiran Siam dengan mengekalkan sistem pemerintahan beraja Melayu menerusi polisi Pecah dan Perintah tidak mengganggu persoalan yang berhubung dengan agama Islam, bahasa dan kebudayaan sosial orang-orang Melayu (Haemindra 1976).

Apabila Gabenor Jering Nai Him Sai yang bertindak sebagai agen Kerajaan Siam terhadap ketujuh negeri Patani meninggal dunia, beliau digantikan oleh Raja Patani Nik Yusuf yang dilantik memerintah Jering. Oleh kerana kekosongan pemerintahan di Patani, Raja Siam Rama III telah mempersilakan Tengku Muhammad, yang sudah tiga tahun berada di Nong Chik memerintah Patani bergelar Sultan Muhammad (1845-1856). Turut serta dalam rombongan perlantikan bekas Perdana Menteri Kelantan ini ialah keluarga diraja Kelantan iaitu adinda perempuannya, Raja Dewa, Tengku Long Dewa, Yang DiPertuan Kelantan (1937-38) juga bekas Bendahara Kelantan Long Zainal atau Raja di Banggul, Tengku Long Ahmad atau Raja Bukit Marak, ayahandanya Raja Muda Kelantan Tengku Long Ismail dan ramai lagi. Perlantikan ini mempunyai kaitan langsung dengan pergolakan politik di Kelantan dalam tahun-tahun 1838-39 yang dikenali sebagai Perang Saudara Kelantan (Rahmat Saripan 1979).

Sultan Muhammad digantikan oleh anakandanya Tengku Putih yang memerintah Patani. Beginda telah memberi perhatian dalam pemerintahan terhadap pembangunan ekonomi bandar pelabuhan Patani. Apabila Raja Reman mangkat, baginda digantikan oleh anakandanya Tuan Timun. Reman ketika itu merupakan pengeluar utama logam bijih timah dan emas serta menghadapi masalah pertikaian sempadan dengan negeri Perak merebut bahan galian ini. Raja Siam menjemput Sultan Dewa kerabat Kelantan yang berada dalam buangan di Ligor menjadi Raja Jering. Raja Teluban Tengku Jalaluddin mangkat digantikan oleh anakandanya Tengku Abdul Kadir yang mendirikan kota Selindung Bayu. Begitulah bentuk pemerintahan Raja-raja Melayu tradisional yang dibenarkan oleh Kerajaan Siam menguruskan pentadbiran dalam negeri mengikut sistem pemerintahan beraja Melayu.

Bagaimanapun, Raja Siam Chulalongkorn mengeluarkan arahan supaya pentadbiran di negeri-negeri Melayu Patani disusun semula mengikut sistem yang diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri di Bangkok. Arahan ini dengan sendirinya mengubah dasar tradisional Siam terhadap negeri-negeri Patani yang menghormati kewibawaan Raja-raja Melayu Patani. Tindakan pihak Siam ini telah mencetuskan penentangan sengit dengan raja-raja Melayu, terutama Raja Patani. Perubahan dasar Siam terhadap negeri-negeri Patani mempunyai pertalian rapat dengan pergolakan yang berlaku di rantau Asia Tenggara menjelang akhir abad ke-19. Walaupun pihak Inggeris menghormati kedaulatan Siam, namun di Tanah Melayu

setelah Frank Swettenham menjadi Residen-General yang pertama bagi Negeri-negeri Melayu Utara, penguasaan Inggeris terhadap Negeri-Negeri Melayu, termasuk Patani sedang rancak dirancangan.

Di satu pihak, Kerajaan Chulalongkorn yang sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk mengukuhkan kekuasaannya ke atas Negeri Patani, telah merancang untuk menghapuskan sistem pemerintahan beraja Melayu dengan menggantikannya dengan sistem Thesaphiban serta menjadikan Negeri Melayu Patani sebahagian dari Negeri Siam. Tengku Abdul Kadir Kamaruddin, Raja Patani yang terakhir telah membantah rancangan itu kerana pada pendapatnya, '...the Siamese had no right whatsoever to interfere in any way in his state'. Ini telah melibatkan juga kuasa Inggeris di Tanah Melayu dan baginda meminta jasa baik Sir Frank Swettenham, Gabenor bagi Negeri-negeri Selat dan Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan juga Kerajaan Great Britain, supaya turut campurtangan demi untuk menyelamatkan orang-orang Melayu, umat Islam dan Negeri Patani daripada ancaman pihak Siam yang memang sudah terkenal sejarah permusuhannya. Swettenham juga mengemukakan beberapa alternatif pada Raja Siam Chulalongkorn iaitu:

1. Siam melepaskan Negeri Patani dari cengkamannya.
2. Siam melantik pegawai-pegawai Inggeris yang berpengalaman untuk mentadbir Negeri Patani.
3. Siam memberikan kuasa pada Kerajaan Inggeris untuk mendapatkan persetujuan dari Raja-raja Patani supaya menyerahkan segala urusan luar negeri pada Kerajaan Bangkok dengan syarat Siam tidak campur tangan dalam urusan dalam negeri-negeri Patani.

Malangnya segala usaha Raja Patani itu gagal sungguhpun ternyata Gabenor Swettenham bersimpati dengannya. Pihak Kerajaan British lebih mengutamakan hubungan diplomatik dengan Kerajaan Siam daripada terlibat dalam masalah Patani, sebagaimana anggapan Tower, Menteri Inggeris di Bangkok, bahawa Patani, ialah a *non-conterminous state*. Dalam pada itu pada bulan Februari 1902, diberitakan Raja Patani Tengku Abdul Kadir Kamaruddin, Raja Reman Tuan Lebeh Long Raya, Raja Teluban Tengku Abdul Mutallib, Raja Legeh Tengku Shamsuddin, Raja Jala Tengku Sulaiman dan ramai lagi Pembesar Melayu Patani telah ditangkap dan dilucutkan dari jawatan masing-masing. Menerusi satu helah politik yang bijak, dengan kepintaran dan kekuatan yang ada untuk bertindak sebarang mungkin, pihak berkuasa kerajaan Siam berjaya menguasai negeri-negeri Patani sebagai tanah jajahan dan kemudian menukarkan dasarnya daripada penjajahan kepada penaklukan dengan mengulingkan kesemua raja-raja negeri Melayu Patani (Nik Anuar 1981; Koch 1977).

Jelaslah kepada kita dengan itu juga terhapuslah sistem pemerintahan beraja Melayu turun temurun yang wujud sekian lama. Negeri Patani juga

kekal hingga ke hari ini sebagai sebahagian dari Thailand. Sejak itu, berakhirilah sebuah Kerajaan Melayu yang paling lama wujud di Alam Melayu (hampir 2,000 tahun), dan masyarakat Melayu-Islam penduduk peribuminya berada di bawah takluk sebuah kerajaan lain yang berjaya menguasainya (Wan Hashim 1987). Perhatikan begitu lama tempoh pemerintahan beraja atau kesultanan Melayu yang wujud di Patani dan telahpun dihapuskan, maka penghapusannya merupakan suatu pengkhianatan terhadap kewibawaan bangsa Melayu Patani. Dengan kehilangan pucuk pimpinan sebagai mandat pentadbiran maka tinggallah orang-orang Melayu Patani yang kini hidupnya dalam serba kegelisahan dan ancaman seperti pepatah Melayu, bagi ayam kehilangan ibu.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Haji Abdullah. 1985. *Asia Tenggara Tradisional: Politik dan Kebudayaan*. Kuala Lumpur: Teks Publishing.
- Bangnara. 1977. *Patani Dahulu dan Sekarang*. Patani: Panel Penyelidikan Al-Fatani.
- Bonney, R. 1975. *Kedah 1771-1821: The Search for Security and Independence*. East Asia Historical Monographs. Kuala Lumpur.
- Corteseo. *The Suma Oriental of Tomes Pires*. 2 Jilid. Hakluyt Society. London.
- Fatimi, S.Q. 1963. *Islam Comes to Malaysia*. Singapura: Malaysian Sociological Research Institute.
- Gullick, J.M. 1965. *Sistem Politik Bumiputera Tanah Melayu Barat*. Kuala Lumpur: DBP.
- Haemindra, N. 1976. The Problem of the Thai-Muslims in the four Southern Provinces of Thailand", *Journal of Southeast Asian Studies*. 6: 201.
- Hamdan Hassan. 1980. Pertalian Pemikiran Islam Malaysia-Aceh. Dlm. *Tamadun Islam di Malaysia*. Persatuan Sejarah Malaysia, hlm. 48-59.
- Hamka. 1971. *Sejarah Umat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Ibrahim Syukri. *Sejarah Kerajaan Melayu Patani*. Pasir Putih, Kelantan.
- Ismail Hamid. 1985. *Peradaban Melayu dan Islam*. Penerbit Fajar Bakti.
- Koch, M.L. 1977. Patani and the Development of Thai State. *JMBRAS*. 50: 69-88.
- L.R. Van Ravanswaay. Translation of Jeremias van viliet's Description of the Kingdom of Siam. *J. of the Siam Soc.* 7.
- Mills, J.V. 1930. Eredia's Description of Malacca, Meridional India and Cathay. *JMBRAS* 8: 288.
- Mohd. Dahlan Manssoer. 1979. "Agama Islam Mula Bertapak di Rantau Nusantara. Dlm. *Pengantar Sejarah Nusantara Awal*. Kuala Lumpur: DBP.
- Mohd. Zamberi A. Malek. *Dakwah*, 98(9): 30-32.
- Mohd. Zamberi A. Malek. 1985. Patani sebagai Pusat Peradaban Melayu. *Mastika*, 46(10): 117-120.
- Moreland, H. Peter Floris. 1934. His Voyage to the East Indies in the Globe, 1611-1615. *Hakluyt Society Series II*, Jil. 74, London.
- Newbold, T.J. 1839. *Political and Statistical Account of the British Settlements in the Straits of Malacca*, Jil. II. London.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 1981. *Patani Di Akhir Pemerintahan Wangsa/Tuan Besar, 1896-1902: Satu Kajian Awal*. Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- Nik Anuar Nik Mahmud. 1981. Sistem Thesaphiban dan kesannya ke atas Kedaulatan dan Kewibawaan Raja-raja Melayu Patani. *JEBAT* 11: 17-47.
- Rahmat Saripan. 1979. *Perkembangan politik Melayu Tradisional Kelantan 1776-1842*. Kuala Lumpur: DBP.
- Rentse, A. 1939. A Note on Kelantan Gold Coin. *JMBRAS* 14(3): 306.
- Rentse, A. 1947. A Historical Note on the North-eastern Malay States. *JMBRAS* 20 (1): 24, 25.
- Rentse, A. 1934. History of Kelantan. *JMBRAS* 12(2): 48.
- Saad Syukri. 1971. *Detik-detik Sejarah Kelantan*. Kelantan: Pustaka Aman.
- Shellabear, W.G. 1967. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Skinner, C. 1965. The Civil War in Kelantan in 1839. *Monograph of the MBRAS*, II. Singapura.
- Teeuws A. & Wyatt D.K. 1970. *Hikayat Patani (atau) The Story of Patani*. Koninklijk Instituut, Martinus Nijhoff, the Hague.
- Wan Hashim Wan Teh. 1987. Masyarakat Peribumi Wujud sejak Ribuan Tahun Lalu. *Dewan Masyarakat* 25(2): 57-59.
- Wan Husein. 1979. Dakwah Islamiah Di Alam Melayu, *Dian*. 126(Nov.): 19-31.
- Wenks, K., 1968. *The Restoration of Thailand Under Rama I, 1782-1809*. University of Tucson: Arizona Press.
- Winzeler, R.L. 1975. Traditional Islamic School in Kelantan. *JMBRAS* 48(1): 92.

Pejabat Kesihatan
Trong, Taiping
Perak